

TARIKH : 21 DISEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17

KDNK dijangka lebih unjuran 6.5 hingga 7 peratus

Kuala Lumpur: Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini dijangka melebihi unjuran awal antara 6.5 peratus hingga tujuh peratus, kata Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata dengan sentimen yang kekal positif pada hujung tahun 2022 serta prestasi ekonomi yang memberangsangkan ekoran pembukaan semula ekonomi selaras dengan fasa peralihan ke endemik Covid-19, kadar pengangguran juga telah menurun kepada 3.6 peratus pada Oktober 2022.

“Pun begitu, ia masih belum pulih seperti mana kadar guna tenaga penuh sebelum krisis Covid-19 iaitu 3.3 peratus dan kebimbangan kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur bawah 25 tahun yang masih tinggi iaitu mencecah 10 peratus,” jelas Perdana Menteri.

Anwar berkata demikian ketika membentangkan Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pemba-

KDNK dijangka lebih unjuran 6.5 hingga 7 peratus

ngunan Sementara 2023 di Dewan Rakyat semalam.

Sementara itu, beliau berkata, kekusutan konflik geopolitik berlaku menekan inflasi global dan melemahkan pertumbuhan ekonomi sementara kenaikan harga komoditi serta bahan makanan memberi dampak yang buruk kepada kos sara hidup rakyat Malaysia.

Menurutnya Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global menurun daripada 3.2 peratus untuk 2022 kepada 2.7 peratus pada 2023.

“Dalam mendepani dampak global yang mengesankan ini, Kerajaan Perpaduan mendukung prinsip keseluruhan negara.

“Semua pihak perlu bersama kerajaan dalam memformulasi pendekatan yang menyeluruh. Golongan kaya dan konglomerat yang meraih laba yang besar

susulan peningkatan harga komoditi dan subsidi kerajaan mesti turut menyumbang ke arah sejahtera rakyat terutamanya B40, M40 dan peniaga kecil,” kata Anwar.

Misalnya, tambah beliau syarikat Padiberas Nasional Bhd (Bernas) telah berseutu untuk menyumbang RM10 juta bagi tahun ini dan RM50 juta bagi tahun hadapan kepada para pesawah miskin.

Kerajaan jelasnya juga sehabis daya akan memperkukuh petunjuk ekonomi, mengembalikan keyakinan pelabur serta bina semula Malaysia.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menzahirkan rasa terharu beliau dengan sambutan dan sokongan negara-negara luar yang memberikan komitmen dan kerjasama untuk meneroka potensi perdagangan dan pelaburan dengan Malaysia.